

SULIT
2280/2
GEOGRAFI
KERTAS 2
OKTOBER
2003
2 JAM

2280

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2003

TINGKATAN EMPAT

GEOGRAFI

KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

- 1. Jawap empat soalan semuanya, dua soalan daripada Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
- 2. Markah akan diberi bagi peta dan gambar rajah yang sesuai.*
- 3. Peta yang diberi dalam kertas soalan ini, jika digunakan hendaklah diceraikan daripada kertas soalan ini dan diikat bersama-sama kertas jawapan yang lain.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

BAHAGIAN A: MALAYSIA

(Jawab Dua soalan dari bahagian ini)

1. a. Di atas Peta No. 1 (Malaysia) namakan;

- i. pusat peranginan yang bertanda P1 dan P2
- ii. taman negara yang bertanda T
- iii. gua batu yang bertanda G
- iv. hutan lipur yang bertanda H

[5 markah]

b. Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan terumbu karang.

[5 markah]

c. Cadangkan langkah-langkah untuk memelihara laut dan lautan.

[7 markah]

d. Jelaskan kepentingan potensi laut dan lautan kepada manusia.

[8 markah]

2.

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Hujan (mm)	340	120	215	245	200	100	148	226	240	240	358	300

Hujan Tahunan Stesen X di kawasan Khatulistiwa

a. Dengan menggunakan skala 1 sm mewakili 50 sm hujan, lukiskan histogram yang menunjukkan taburan hujan tahunan stesen X pada kertas graf yang disediakan.

[10 markah]

b. i. Mengapakah banjir kilat sering berlaku di Kuala Lumpur

[5 markah]

ii. Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengurangkan berlakunya banjir kilat tersebut

[5 markah]

iii. Apakah kesan-kesan banjir kilat terhadap manusia dan alam sekeliling.

[5 markah]


3.

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Suhu (°C)	27	27	27	28	28	29	28	28	27	27	27	26
Hujan (mm)	330	120	225	248	200	147	100	227	240	240	354	300


Suhu dan Hujan Tahunan di Bandar raya Kuala Lumpur

- a. Dengan merujuk jadual di atas, huraikan ciri-ciri suhu dan hujan di Bandar raya Kuala Lumpur. [7 markah]
- b. Nyatakan pengaruh cuaca dan iklim terhadap kegiatan manusia di negara kita Malaysia. [8 markah]
- c. Huraikan kesan-kesan kejadian kemarau kepada alam sekitar [5 markah]
- d. Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil jika fenomena kemarau berlaku. [5 markah]

4. a. Setiap ekosistem mengandungi dua komponen iaitu komponen biotik dan komponen abiotik. Jelaskan pembahagian komponen biotik dalam ekosistem hutan. [7 markah]



- b. Berdasarkan kepada gambar di atas, huraikan ciri-ciri organisma hidup mengikut aras trofik. [5 markah]



- c. Berdasarkan rajah di atas, huraikan interaksi antara komponen biotik dengan abiotik [6 markah]
- d. Bincangkan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi dalam ekosistem hutan paya bakau [7 markah]

BAHAGIAN B: MALAYSIA DAN DUNIA LUAR

Jawab Dua Soalan dari bahagian ini.

Potong cerun punca runtuh

<p>KUALA LUMPUR, Isnin - Langkah Projek Lebuh Raya Utara - Selatan (PLUS) memotong cerun di Gua Tempurung untuk membina taluan di Kilometer (KM) 303.8 Lebuh Raya Utara-Selatan dekat Ipoh, Perak, meletakkan kawasan itu sebagai kawasan risiko, hingga mengakibatkan ia runtuh dan meragut satu nyawa. Jumaat lalu.</p>	<p>Ini kerana tapak kejadian itu disifatkan lemah kerana terbina daripada cantuman batu kapur Gua Tempurung dan batu granit Banjaran Titiwangsa, di mana kawasan sempadan ini dianggap tidak mempunyai kekuatan fizikal. Pakar geologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Ibrahim Komo berkata, kawasan</p>	<p>cerun itu dianggap sebagai kawasan bermasalah kerana tidak kukuh. "Biasanya batu di kawasan sempadan seperti di tempat kejadian itu, memiliki batu-batan yang melemah. Malah rekahan yang banyak boleh dilihat di kawasan itu," katanya, ketika dihubungi di sini, hari ini.</p>
---	--	---


5. a. Pada pendapat anda, mengapakah pemotongan cerun di KM 303.8 Lebuh Raya Utara Selatan dekat Ipoh dikatakan tidak selamat dan berisiko tinggi. [5 markah]

b. Huraikan kesan-kesan kejadian pergerakan jisim seperti tanah runtuh kepada manusia dan alam sekitar.

[10 markah]

c. Apakah langkah-langkah yang dapat diambil bagi mengurangkan risiko kejadian tanah runtuh.

[10 markah]



Pembentukan Hujan

6. Dengan merujuk sebuah negara maju;

a. Terangkan proses I, II dan III bagi pembentukan hujan seperti yang ditunjukkan dalam rajah di atas.

[5 markah]

b. Apakah kesan-kesan hujan tersebut kepada manusia dan alam sekeliling

[5 markah]

c. Huraikan faktor yang menyebabkan berlakunya

i. jerebu

ii. pulau haba

[10 markah]

d. Jelaskan langkah-langkah untuk mengawal kejadian kesan rumah hijau.

[5 markah]


7. a. Di atas Peta No. 2 (Dunia) namakan tumbuhan semula jadi di kawasan berlorek yang bertanda A, B, C dan D. [4 markah]
- b. Nyatakan ciri-ciri tumbuhan semula jadi di kawasan C [9 markah]
- c. Huraikan sumbangan tumbuhan semula jadi di kawasan tersebut [12 markah]
8. a. Keluasan hutan di dunia semakin berkurangan. Mengapakah keadaan sedemikian berlaku [8 markah]
- b. Huraikan kesan penerokaan hutan terhadap alam sekeliling [8 markah]
- c. Jelaskan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang diambil bagi mengekalkan tumbuhan semula jadi [9 markah]

Nama : Tingkatan :

No. Kad Pengenalan : Angka Giliran :

AKHIR TAHUN TINGKATAN EMPAT GEOGRAFI 2

Peta No. 1 (MALAYSIA) untuk Soalan No. 1 2003
(Hendaklah diikat bersama dengan jawapan lain)




Nama :

Tingkatan :

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN TINGKATAN 4, 2003 GEOGRAFI KERTAS 2.

Peta No. 2 untuk soalan No.7
(Hendaklah diikat bersama dengan kertas jawapan lain)



DUNIA

A		C	
B		D	